

28/11/1998

PM cabar kumpulan reformasi

Lichong Angkui; Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar kumpulan yang mencetuskan huru-hara kononnya untuk melakukan reformasi dan pembaharuan dalam pimpinan kerajaan, supaya 'turun gelanggang' pada pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, kumpulan yang mencetuskan huru-hara dan mengadakan demonstrasi adalah orang yang tidak yakin mendapat kemenangan dalam pilihan raya.

Katanya, pihak yang cuba mencetuskan rusuhan di negara ini sebenarnya terpengaruh dengan keadaan di negara jiran.

"Mereka cuba mengadakan tunjuk perasaan kononnya untuk mengubah, untuk 'reform' negara kita. Apakah jenis reformasi yang hendak dibuat. Apakah kita nak negara kita menjadi seperti negara lain di mana kaum-kaum tidak dapat hidup aman damai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang yang menghadiri Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Kompleks Sukan Likas di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia cukup aman dan tidak perlu kepada tunjuk perasaan dan rusuhan selain mengamalkan prinsip demokrasi.

"Jika ada keinginan membuat pembaharuan untuk menukar pemimpin, sila turun gelanggang apabila kita ada pilihan raya. Kalau kamu betul-betul disokong oleh rakyat, pada ketika itu kamu mungkin menang.

"Kita tidak perlu lilit kain di kepala, tidak perlu menjerit, tidak perlu membakar motosikal, mencari molotov cocktail. Yang diperlukan dalam BN ialah otak dan pemikiran waras. Dengan pemikiran dan otak di kepala, kita akan menilai siapa sepatutnya menjadi kerajaan," katanya.

Beliau berkata Pemuda BN berhak menentukan siapa yang memimpin negara kerana mereka juga menjadi pewaris kepada apa yang dibina dan didirikan sekarang ini.

Katanya, jika segala yang dibina sekarang dihancurkan, warisan akan datang menjadi abu dan habuk yang tidak boleh diguna sama-sekali.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah, juga mengingatkan mereka yang mahu menjadi pemimpin supaya bersabar dan tidak terlalu gelojoh kerana proses pembinaan seseorang pemimpin mengambil masa yang lama.

Beliau turut menceritakan rentetan sejarah awal pembabitannya dalam politik sehingga menjadi Perdana Menteri selama kira-kira 36 tahun.

"Ada sesetengah orang yang baru masuk saja dalam Umno sudah memberontak menjadi pemimpin. Baru masuk dua hari lepas...tak boleh nak tunggu dah. Mahu (pemimpin) yang di atas mesti disingkir walaupun yang di atas itu ada berkata 'saya akan serah kepada awak tak lama lagi'," katanya.

Menurutnya, disebabkan tidak sabar menunggu giliran itu, maka tindakan diambil untuk menggulingkan pemimpin menerusi komplot dan rancangan sulit.

Beliau menegaskan orang yang bersikap demikian tidak layak menjadi pemimpin.

(END)